



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#) [Bernama - Pertimbangan Serius Bagi Permintaan Satu Peratus KDNK Untuk Sektor Pertahanan](#)

🕒 Rabu, Dis 04 2019



PUTRAJAYA, 3 Dis -- Kementerian Kewangan akan memberi pertimbangan serius terhadap permintaan Kementerian Pertahanan supaya diberikan peruntukan satu peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) setiap tahun untuk sektor pertahanan, kata Menteri Lim Guan Eng.

"Sekiranya keadaan ekonomi mengizinkan, tentu itu akan diberikan pertimbangan yang serius," katanya mengulas permohonan Menteri Pertahanan Mohamad Sabu semalam mengenai peruntukan sekurang-kurangnya satu peratus daripada KDNK untuk sektor pertahanan bagi setiap belanjawan negara.

Mohamad dilaporkan berkata permintaan itu adalah bagi memastikan keperluan dan perbelanjaan Kementerian Pertahanan pada masa hadapan adalah mencukupi, selepas membentangkan Kertas Putih Pertahanan (KPP) di Dewan Rakyat semalam.

Lim menegaskan Kementerian Pertahanan adalah antara yang diberikan fokus oleh kementeriannya, malah dalam belanjawan turut memberikan perhatian yang sepatutnya kepada anggota keselamatan negara.

Sebanyak RM15.6 bilion diperuntukan kepada Kementerian Pertahanan pada Belanjawan 2020.

Lim ditemui selepas menyaksikan majlis menandatangani perkongsian strategik antara Northern Gateway Logistic Centre Sdn Bhd dan One Northern Hub Sdn Bhd untuk membangunkan Truck and Inland Clearance Depot (ICD) di Bukit Kayu Hitam, Kedah yang membabitkan pelaburan RM200 juta, di sini hari ini.

Semasa diminta mengulas mengenai laporan bahawa keputusan Bursa Malaysia boleh menghalang rancangan kerajaan mengambil alih syarikat tol, Lim berkata Kementerian Kewangan tidak campur tangan dalam proses Bursa Malaysia membuat keputusan.

"Tidak ada komen mengenai keputusan yang dibuat oleh Bursa kerana mereka berkuasa untuk membuat keputusan dan Kementerian Kewangan tidak campur tangan," katanya berhubung laporan bahawa Bursa Malaysia telah meletakkan syarat-syarat yang melarang pemegang saham utama empat tol konsesi yang sedang dirancang oleh kerajaan untuk membeli dengan harga RM6.2 bilion.

Jun lepas Lim mengumumkan bahawa kerajaan telah membuat tawaran RM6.2 bilion untuk mengambil alih empat konsesi lebuh raya jalan tol yang terdiri daripada Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (Sprint), Lebuhraya Shah Alam (Kesas) dan Smart Tunnel (Smart).

Gamuda Bhd mempunyai kepentingan besar dalam semua empat lebuh raya itu.

-- BERNAMA



Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **15 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**